

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERSIDANGAN
(PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

ISI KANDUNGAN

BIL	RUJUKAN	MUKASURAT
1.0	TUJUAN	3
2.0	SKOP	3
3.0	DEFINISI/ DAFTAR ISTILAH	3-4
4.0	KETERANGAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN	4-5
	<ul style="list-style-type: none"> • PROSEDUR MENYERTAI PERSIDANGAN DALAM DAN LUAR NEGARA • PROSEDUR PENGANJURAN PERSIDANGAN 	
5.0	TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN	5-6
6.0	KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN	6-7
7.0	KONTEKS PERUNDANGAN	7-8
8.0	POLISI / PROSEDUR	8
9.0	KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN	8
10.0	PROSEDUR PERMOHONAN MENYERTAI PERSIDANGAN DAN MENGANJURKAN PERSIDANGAN	9-10
11.0	CARTA ALIR BERSEPADU / CARTA ALIR BERKAITAN	11-12
12.0	BORANG BERKAITAN	13

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan pelaksanaan pengurusan persidangan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

2.0 SKOP

2.1 Garis Panduan ini terpakai untuk pengurusan persidangan sama ada penganjuran, penyertaan (dalam dan luar negara) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu termasuk Kampus Induk UMS Kota Kinabalu, Kampus UMS Labuan dan Kampus UMS Sandakan

2.2 Digunakan selepas PKP sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan semula.

3.0 DEFINISI

Istilah/ Singkatan Umum	Definisi / Penerangan
JFPiB	Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut, Bahagian
JTMK	Jabatan Teknologi, Multimedia dan Komunikasi
Penyelidik	Penyelidik bermaksud kakitangan atau pelajar yang menjalankan penyelidikan.
Penyelidikan	Penyelidikan merupakan suatu kajian sistematik ke atas bahan dan sumber dalam pelbagai bidang dalam usaha mewujudkan fakta dan ilmu pengetahuan baharu. Ia membabitkan pelbagai bidang merangkumi penemuan penyelidikan sains dan sains sosial, penerbitan, penciptaan, pengembangan atau penambahbaikan secara konseptual dan teoritikal, teknikal atau komposisi atau meningkatkan pemahaman semasa melalui penganalisan kritis.
Kakitangan	Kakitangan” bermaksud mana-mana orang yang dilantik oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti dan mana-mana Statut lain termasuk kakitangan akademik, pegawai, guru, felo penyelidik atau pekerja Universiti
<i>Web Conference</i>	<i>Web Conference</i> atau Webinar adalah suatu seminar, presentasi, pengajaran ataupun bengkel yang dilakukan secara atas talian, yang disampaikan melalui media Internet dan boleh disertai oleh ramai orang di lokasi berbeza. Melalui Webinar ini, Anda

	dapat berinteraksi secara langsung, melalui gambar (video) ataupun <i>text (chat)</i> .
SMPPPI	Sistem Maklumat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Pegawai bukan akademik	Pegawai Pengurusan dan Profesional
Makmal	Makmal merangkumi semua makmal/bengkel/studio penyelidikan dan pengajaran untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang Sains Hidup, Perubatan, Kimia, Fizikal, ICT dan bidang-bidang yang lain. Pensyarah, Pengurusan & Profesional, Pelaksana adalah dibenarkan untuk memasuki makmal untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dengan syarat mematuhi prosedur operasi standard ini.
Lapangan	Lapangan merangkumi tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran seperti pengambilan sampel, analisis on-site, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya. Pergerakan ke lapangan adalah dibenarkan. Namun, penyelidik adalah digalakkan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan seperti soal selidik, temu bual, forum, perbincangan berkumpulan secara atas talian
Persidangan	Persidangan bernaksud Kongres, Seminar, Forum, Simposium, Kolokium, Wacana, Ceramah, Bengkel dan Webinar yang tidak bersifat kursus. Persidangan hendaklah dianjurkan oleh badan yang diiktiraf oleh UMS/KPT dan memenuhi output penerbitan ilmiah.

4.0 KETERANGAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN

4.1 PROSEDUR MENYERTA PERSIDANGAN DALAM DAN LUAR NEGARA

- i. Semua penyelidik JFPIB dan pegawai bukan akademik universiti adalah layak memohon untuk menyertai persidangan sepanjang tempoh Pasca PKP Covid-19 dengan memohon kelulusan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan merujuk Garis Panduan Pengurusan Persidangan (Pindaan 2020) UMS.
- ii. Hanya penganjuran persidangan yang dilaksanakan secara *Web Conference* sahaja yang boleh disertai semasa tempoh Pasca PKP Covid-19.

4.2 PROSEDUR MENGANJURKAN PERSIDANGAN

- i. Semua penyelidik JFPIB dan pegawai bukan akademik universiti adalah layak untuk memohon menganjurkan persidangan sepanjang tempoh Pasca PKP Covid-19 dengan memohon kelulusan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan merujuk Garis Panduan Pengurusan Persidangan (Pindaan 2020) UMS.
- ii. Semasa tempoh Pasca PKP Covid-19, semua penganjuran persidangan adalah WAJIB dilaksanakan secara (*Web Conference*) dengan menggunakan aplikasi telesidang video seperti Microsoft Teams, Cisco Webex dan Google Meet (Sila dapatkan nasihat teknikal JTMK bagi penggunaan aplikasi yang bersesuaian).
- iii. Semua aktiviti komunikasi, publisiti, teknikal, kewangan dan bahan terbitan saintifik hendaklah dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Sila dapatkan nasihat teknikal Jabatan Bendahari bagi aktiviti kewangan persidangan secara atas talian.

5.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

<p>Tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menguatkuasa peraturan-peraturan menjalankan aktiviti persidangan dan bagi memastikan penyelidik mematuhi. 2. Memastikan JFPIB dapat menjalankan aktiviti persidangan tanpa menjejaskan penghasilan output penyelidikan. 3. sentiasa bersedia bertindak dan memaklumkan warga penyelidik sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19.
<p>Tanggungjawab Ketua/Pengarah FPI</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua/Pengarah JFPIB adalah bertanggungjawab dalam membuat pertimbangan kelulusan kepada warga JFPIB ke persidangan dan menganjurkan persidangan sama ada di dalam mahupun luar negara. Ketua/Pengarah JFPIB bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat pemantauan rapi terhadap pematuhan warga JFPIB kepada peraturan-peraturan keselamatan dan perlindungan diri yang ditetapkan dalam mengelak penularan Wabak COVID-19 ini.

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Ketua/Pengarah JFPIB adalah bertanggungjawab untuk merancang semua aktiviti penganjuran persidangan sama ada di dalam dan luar negara adalah di bawah kawalan masing-masing. 3. Penyelidik dan kakitangan bukan akademik adalah bertanggungjawab untuk merancang semua permohonan persidangan secara <i>Web Conferencing</i> sama ada di dalam negara atau luar negara dengan merujuk Garis Panduan Pengurusan Persidangan UMS (pindaan 2020). 4. JTMK bertanggungjawab dalam memberi nasihat teknikal bagi setiap penganjuran persidangan <i>Web Conferencing</i> JFPIB.
Bahagian Pentadbiran dan Governan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertanggungjawab kepada semua penyimpanan, perekodan dan pengemaskinian Garis Panduan Pengurusan Persidangan di peringkat Universiti. 2. Membuat semakan dan pemantauan inspektorat dari semasa ke semasa berhubung pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Persidangan di JFPIB.

6.0 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Garis Panduan akan disemak dan ditambahbaik dari semasa ke semasa (3-5 tahun atau bila-bila ianya diperlukan tertakluk kepada arahan Universiti dan Kerajaan Malaysia) untuk memastikan ianya masih relevan. 2. Sebarang pindaan akan dibuat mengikut tatacara panduan pengurusan polisi Universiti. 3. Hebahan berkenaan garis panduan akan diedarkan melalui e-mel kepada semua Ketua JFPIB dan dimuat naik di web PPPI dan poster bercetak.
--	---

Penyiaran/ Hebahan Garis Panduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Senat/PBPU/LPU hendaklah didaftarkan dalam Daftar Polisi UMS dan diwartakan melalui Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). 2. Hebahan berkenaan garis panduan akan dihebah dan diedarkan melalui e-mel kepada semua Ketua JFPIB dan dimuat naik di laman web PPPI, poster bercetak dan e-mel. 3. Garis Panduan akan disimpan di PIPS / PPPI dan disalinkan di dalam Daftar Polisi UMS di Bahagian Pentadbiran dan Governan. 4. Garis Panduan akan boleh diakses oleh warga Universiti.
---	--

7.0 KONTEKS PERUNDANGAN

7.1 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- i. Garis Panduan ini telah diluluskan oleh pihak pengurusan Universiti pada 3 Jun 2020. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana kakitangan/pelajar yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Kakitangan adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] manakala pelajar adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Palajar) 1999 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian;
- ii. Garis Panduan ini terpakai khusus sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UMS; dan Garis Panduan ini tidak terpakai sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau Kerajaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19 di Malaysia.

Sumber Perundangan Berkaitan	Klausa Rujukan
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994	
Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]	

Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, Universiti Malaysia Sabah.	
Dasar Penyelidikan UMS pindaan 2020	
Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Di Universiti Malaysia Sabah.	
Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2020: Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 di UMS;	
Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2020: Garis Panduan Bekerja Norma Baharu UMS;	

8.0 POLISI / PROSEDUR BERKAITAN

- 8.1** Manual Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Malaysia Sabah 2019
- 8.2** Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, Universiti Malaysia Sabah.
- 8.3** Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Di Universiti Malaysia Sabah.
- 8.4** Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2020: Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 di UMS;
- 8.5** Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2020: Garis Panduan Bekerja Norma Baharu UMS;
- 8.6** Garis Panduan Pengurusan Persidangan UMS;
- 8.7** Dasar Penyelidikan UMS, pindaan 2020;

9.0 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh Senat/PBPU/LPU	Pindaan
01/2020			

10.0 PROSEDUR PERMOHONAN MENYERTA PERSIDANGAN DAN MENGANJURKAN PERSIDANGAN

10.1 Permohonan menyertai persidangan dalam dan luar negara

Tanggungjawab	Proses Kerja
Penyelidik/pegawai bukan akademik	Memohon untuk menyertai persidangan melalui SMPPPI
Ketua Jabatan JFPiB	Memperakukan permohonan
Urusetia Persidangan PPPI	Menyemak permohonan atas talian
Pengarah PPPI	Memperakukan permohonan atas talian untuk menyertai persidangan luar negara, Meluluskan permohonan menyertai persidangan dalam negara
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Meluluskan permohonan menyertai persidangan luar negara
Urusetia Persidangan PPPI	Memaklumkan maklumat kelulusan kepada pemohon
Penyelidik/pegawai bukan akademik	Menghantar laporan menyertai persidangan dan kewangan (sekiranya ada)


10.2 Permohonan penganjuran persidangan dalam dan luar negara

Tanggungjawab	Proses Kerja
Penyelidik/pegawai bukan akademik	Memohon untuk menganjurkan persidangan melalui SMPPPI
Ketua Jabatan JFPiB	Memperakukan permohonan
Urusetia Persidangan PPPI	Menyemak permohonan atas talian
Pengarah PPPI	Memperakukan permohonan untuk menganjurkan persidangan antarabangsa, Meluluskan permohonan menganjurkan persidangan peringkat universiti, Negeri dan


	Kebangsaan
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Meluluskan permohonan menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa
Urusetia Persidangan PPPI	Memaklumkan maklumat kelulusan kepada pemohon
Penyelidik/Pegawai bukan akademik	Menghantar laporan penganjuran persidangan dan kewangan (sekiranya ada)

11.0 CARTA ALIR BERSEPADU / CARTA ALIR BERKAITAN

11.1 Permohonan Menyertai Persidangan Dalam dan Luar Negara



11.2 Permohonan Penganjuran Persidangan Dalam dan Luar Negara



120 BORANG BERKAITAN

- 121 Borang Permohonan Menyertai persidangan dalam dan luar Negara** (Borang permohonan menyertai persidangan dalam dan luar Negara (CR5) atas talian).
- 122 Borang Permohonan Menganjurkan Persidangan Peringkat Universiti, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa** (Borang permohonan menganjurkan persidangan peringkat Universiti, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa (CR7)).